



UNIVERSITI TEKNIKAL MARA SDN. BHD

(570132 -T)

(MILIK PENUH MAJLIS AMANAH RAKYAT)

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah terbuka kepada kontraktor-kontraktor/pembekal-pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dalam bidang yang berkaitan bagi kerja berikut:

CADANGAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BUKU RUJUKAN PERPUSTAKAAN FIZIKAL DAN E-BUKU BAGI PEMBANGUNAN PROGRAM BAHARU SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (MIKROELEKTRONIK) DI UNIKL BMI, GOMBAK, SELANGOR

NO. SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH/TEMPAT/MASA TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP
UNIKL/BMI/RMK/2024/Q/04	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM): Kod Bidang : 010101 – Bahan Bacaan Terbitan Luar Negara ATAU 010102 – Bahan Bacaan DAN 010103 – Penerbitan Elektronik Atas Talian	Tarikh: 11/06/2024 (Selasa) Masa: 10.30 pagi Tempat: Bilik Seminar, Tingkat 1, Universiti Kuala Lumpur British Malaysian Institute Batu 8 ¾, Jalan Sungai Pusu 53100 Gombak, Selangor	25/06/2024 (Selasa) Sebelum 12.00 t/hari

SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT SEMASA MENGHADIRI SESI TAKLIMAT TAPAK

2. **TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK ADALAH WAJIB.** Syarikat yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan ini tidak dibenarkan untuk menyertai Sebut Harga.
3. Kontraktor/Pembekal yang berminat menyertai Sebut Harga ini dikehendaki mendaftar sebagai Pembekal Berdaftar Universiti Teknikal MARA Sdn Bhd di laman web <https://vms.unikl.edu.my/>

4. Tawaran Sebut Harga akan di emelkan kepada kontraktor/pembekal setelah selesai menghadiri sesi taklimat yang ditetapkan.
5. Kontraktor/Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan menyertai Sebut Harga ini. Sijil-sijil yang diperlukan adalah seperti berikut:
 - i. **SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)**
 - ii. **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - iii. **SIJIL PENDAFTARAN SST (Jika Berkaitan)**
6. **Satu (1) Kontraktor/Pembekal hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sahaja.**
7. **Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor/Pembekal.**
8. UniTEK-MARA berhak mempersetujui nilai Sebut Harga sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya serta menambah atau mengurangkan kuantiti barangan Sebut Harga.
9. UniTEK-MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. UniTEK-MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
10. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti alamat di bawah:

UNIT PEROLEHAN
PETI TENDER, Universiti Kuala Lumpur, British Malaysian Institute, Batu 8 ¾, Jalan
Sungai Pusu, 53100 Gombak, Selangor

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

11. Dokumen Sebut Harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Sebut Harga bersabit dari apa-apa punca sekalipun, **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
12. Kontraktor/Pembekal hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh tutup selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan